

PROGRAM PEMBERIAN BAUCAR DISKAUN PEMBELIAN KARYA SENI VISUAL

Kaedah Tuntutan Bayaran Balik Baucar Diskaun

Bagi tujuan penebusan dan tuntutan bayaran balik diskau yang diberikan oleh pihak yang terlibat kepada Balai Seni Negara, langkah-langkah berikut perlu diikuti:

- Penjual perlu membuat pengesahan penggunaan kod baucar dengan mendaftar sebagai penjual di laman sesawang Balai Seni Negara dan membuat tuntutan baharu bagi setiap karya yang terjual.
- Penjual juga perlu mengisikan kod dan perincian pembelian di laman sesawang tersebut termasuk memuat naik bukti pembelian sama ada resit atau invoice.
- Di akhir program, penjual perlu menghantar keseluruhan dokumen asal secara salinan cetak ke Balai Seni Negara meliputi maklumat penjualan karya dan bukti pembelian asal melalui urusetia untuk pemprosesan tuntutan wang oleh Seksyen Kewangan, Balai Seni Negara.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI

BALAI SENI NEGARA - (03-4026 7000)

Encik Muhammad Qamar bin Wahid -

(03-4026 7000 ext: 225) (qamar@artgallery.gov.my)

Encik Hakim Iskandar Bin Zulkarnain -

(03-4026 7000 ext: 285) (iskandar@artgallery.gov.my)

Cik Marlisa A/P Antony Samy -

(03-4026 7000 ext: 049) (marllisa@artgallery.gov.my)

atau layari

www.artgallery.gov.my



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



balai seni negara
National Art Gallery



- Balai Seni Negara
- nationalartgallerymy
- youngartentrepreneurs
- BalaiSeniNegara
- National Art Gallery Malaysia

#balaiseninegara
#nationalartgallery
#NAGMalaysia
#youngartentrepreneurs





Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Balai Seni Negara sentiasa mengutamakan sinergi dan kelangsungan ekosistem seni di Malaysia bagi memastikan industri seni visual negara terus maju ke hadapan. Sehubungan itu, Balai Seni Negara melancarkan Program Pemberian Baucar Diskaun Pembelian Karya Seni Visual Keluarga Malaysia. Ia merupakan lanjutan dari "Program Aspirasi Keluarga Malaysia" peringkat MOTAC pada tahun 2021. Program ini melibatkan **pemberian baucar diskaun pembelian karya seni visual Malaysia yang bernilai RM500.00 dan RM1,000.00** kepada para peminat seni tempatan.

Program pemberian baucar diskaun ini dikenali juga sebagai '**Buy Art Malaysia (BUY)**' bertujuan untuk merancakkan semula industri seni visual tanah air yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Industri seni kini dalam proses pemulihan apabila premis-premis seni telah dibenarkan beroperasi. Tujuan pemberian baucar ini adalah bagi mempercepatkan pemulihan sektor seni dan budaya di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai ekosistem seni.

Kempen **BUY** ini akan melibatkan Galeri Seni Awam/Swasta, Persatuan Seni, Pengusaha Ekspos Seni, dan Platform Atas Talian **terpilih** seluruh negara bermula daripada **Februari 2022** sehingga **Julai 2022** dengan konsep pemberian berdasarkan '**Siapa Cepat Dia Dapat**'.

Dapatkan Baucar Pembelian Karya Seni Bernilai RM500.00 atau RM1,000.00 Sekarang!

Bagaimana Saya Boleh Mendapatkan Baucar Pembelian Karya Seni?

1. Pembeli ataupun wakil perlu memohon baucar di laman sesawang Balai Seni Negara dengan mengisi maklumat pengenalan diri yang sah.
2. Selesai permohonan, pemohon akan menerima baucar yang akan die-melkan mengikut kuantiti baucar yang dimohon.
3. Dalam baucar tersebut juga akan disenaraikan nombor kod unik baucar serta tarikh luput bagi penggunaan baucar tersebut.
4. Pemohon perlu menyerahkan baucar tersebut kepada penjual dan terus menikmati diskaun semasa pembayaran dibuat.
5. Setiap pemilik Kad Pengenalan ditetapkan hanya boleh menggunakan sama ada baucar bernilai RM500 atau RM1,000 sehingga nilai maksimum RM3,000.

Apakah Baucar Yang Layak Saya Dapatkan Dengan Harga Karya Yang Akan Saya Beli Nanti?

- Bagi pembelian karya seni yang berharga **RM1,000 - RM5,000** - Layak menggunakan **1 baucar** yang bernilai **RM500**.
- Bagi pembelian karya seni yang berharga **RM5,001 – RM20,000** - Layak menggunakan **2 baucar** yang bernilai **RM1,000**.

Syarat Kelayakan Penggunaan Baucer :

- 1) Pembelian adalah untuk karya seni visual yang berharga **RM1,000 – RM5,000** layak menggunakan 1 baucar bernilai **RM500**, dan pembelian karya yang berharga **RM5,001 – RM20,000** layak menggunakan 2 baucar bernilai **RM1,000**.
- 2) Karya seni hendaklah hasil daripada artis tempatan sahaja.
- 3) Pembeli perlu memuat turun baucar digital di laman sesawang Balai Seni Negara.
- 4) Baucar digital perlu digunakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 5) Pembelian karya **HANYA** melalui Galeri Seni Awam/Swasta, Persatuan Seni, Pengusaha Ekspos Seni, dan Platform Atas Talian yang **BERDAFTAR** dengan Balai Seni Negara.
- 6) Baucar digital tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai.
- 7) Untuk karya yang bernilai **RM20,000** dan ke atas tidak layak menggunakan baucar ini.
- 8) Satu kad pengenalan hanya boleh menggunakan maksimum sehingga RM3,000 nilai diskaun.